

NW Methyl Salicylate 50%w/w Ointment

Methyl Salicylate 50% w/w

Apa di dalam risalah ini

1. Apakah tujuan kegunaan NW Methyl Salicylates 50%w/w Ointment?
2. Bagaimana NW Methyl Salicylate 50%w/w Ointment bertindak?
3. Sebelum menggunakan NW Methyl Salicylate 50%w/w Ointment
4. Bagaimana menggunakan NW Methyl Salicylate 50%w/w Ointment?
5. Semasa menggunakan NW Methyl Salicylate 50% w/w Ointment
6. Kesan sampingan
7. Simpanan dan pelupusan
8. Keterangan produk
9. Pengilang dan pemilik pendaftaran produk
10. Tarikh semakan

Apakah tujuan kegunaan NW Methyl Salicylate 50%w/w Ointment?

NW Methyl Salicylate 50%w/w Ointment digunakan untuk merawat sakit dan sakit otot atau sendi yang kecil (contoh: arthritis, sakit belakang, dan terseliuh).

Bagaimana NW Methyl Salicylate 50%w/w Ointment?

Methyl salicylate dikenali sebagai kaunter perengsa. Bahan ini menyebabkan kulit berasa sejuk dan kemudian panas. Perasaan ini pada kulit mengalih perhatian anda daripada merasa sakit atau sakit yang lebih mendalam di dalam otot, sendi dan tendon.

Sebelum menggunakan NW Methyl Salicylate 50% Ointment

Bila untuk tidak menggunakannya

Jika anda alah kepada *methyl salicylate* atau bahan-bahan lain di dalam ubat ini.

Sebelum menggunakannya

- Untuk kegunaan luaran sahaja.

- Sila beritahu doktor atau ahli farmasi and jika ada mengalami sebarang kesulitan terutamanya:

- Jika anda mengandung, merancang untuk mengandung, atau menyusukan bayi
- Jika anda mempunyai penyakit jantung dan saluran darah, anemia, hati yang teruk, gangguan pembekuan darah dan penyakit buah pinggang
- Jika anda mengambil preskripsi atau ubat tidak preskripsi, penyediaan herba, atau makanan tambahan
- Jika anda mempunyai reaksi alahan kepada aspirin atau salisilat lain
- Jika anda mempunyai luka di kawasan yang terjejas atau kulit anda rosak atau rosak di mana-mana anggota badan

Jika mengambil ubat-ubat lain.

Jika anda mengambil ubat warfarin, sapan salap yang berlebihan akan meningkatkan risiko pendarahan. Sila hubungi doktor atau ahli farmasi anda. Sila bawa bersama baki ubat ini.

Ia tidak diketahui jika mempengaruhi ubat lain. Walau bagaimanapun, jika pengguna memakai krim, salap atau losyen ubat yang lain, pengguna perlu jarakkan penggunaan dalam beberapa minit antara menggunakan NW Methyl Salicylate 50% w/w dan produk kulit berubat lain, kecuali jika diarahkan oleh doktor.

Bagaimana menggunakan NW Methyl Salicylate 50%w/w Ointment?

Jumlah diperlukan?

Bagi orang dewasa dan kanak-kanak di atas 12 tahun:

Tiada dos khas yang dicadangkan. Sapukan lapisan nipis ke kawasan yang sakit dan gosok perlahan-lahan sehingga diserap sepenuhnya. NW Methyl Salicylate 50%w/w Ointment boleh

digunakan sehingga tiga atau empat kali sehari

Untuk bayi dan kanak-kanak di bawah 12 tahun: Tidak disyorkan

Bila untuk menggunakannya

Disyorkan menggunakan krim ini 3 kali sehari.

Berapa lama perlu digunakan

Gunakan hingga simptom berkurangan atau tiada lagi.

Jika terlupa menggunakannya

Jika anda terlepas satu dos ubat ini, sila sapukan secepat mungkin. Walau bagaimanapun, jika ia hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kembali kepada jadual dos biasa anda.

Jika mengambil berlebihan

Jika anda berlebihan menggunakan NW Methyl Salicylate 50% w/w Ointment atau tidak sengaja ditelan mungkin berbahaya. Sekiranya menelan atau terlebih dos disyaki, dapatkan segera bantuan perubatan.

Sekiranya anda mempunyai pertanyaan lanjut mengenai penggunaan produk ini, sila berjumpa doktor anda.

Semasa menggunakan NW Methyl Salicylate 50%w/w Ointment

Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda mahu mengambil ubatan yang lain sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda yang anda sedang menggunakan NW Methyl Salicylate 50%w/w Ointment.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Ubat ini tidak boleh digunakan kepada bayi dan ke atas mereka yang sensitif pada mana-mana bahan di dalam ubat ini. Jangan mengambil dos yang berlebihan tanpa pengetahuan doktor

Perkara yang perlu diberi perhatian

Untuk kegunaan luar sahaja. Jangan sapukan ke atas luka atau di kawasan mata, hidung, mulut atau kawasan sulit. Jangan hidu. Jangan terlebih guna atau sapu pada bahagian merengasa, berjangkit atau kulit kemerahan.

Kesan sampingan

NW Methyl Salicylate 50% w/w Ointment boleh menyebabkan gatal-gatal, sukar bernafas, bengkak pada muka, bibir, lidah atau tekak. Jika anda mengalami mana-mana gejala ini, sila berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi atau jika mengalami kes yang teruk, sila pergi ke Jabatan Kecemasan dan Kemalangan yang terdekat dengan segera.

Anda dinasihatkan untuk melaporkan kesan sampingan secara terus kepada Agensi Regulatori Farmasi Negara Tel: 03-7883 5550, atau lawati portal.npra.gov.my. (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI)

Penyimpanan dan pelupusan NW

Methyl Salicylate 50%w/w

Ointment

Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Jauhkan dari haba, lembapan dan cahaya. Jauhkan dari capaian kanak-kanak.

Pelupusan

Boleh dilupuskan sebagai bahan buangan yang tidak berbahaya

Deskripsi produk

Rupa produk

Salap hijau kekuningan

Bahan-bahan

Methyl salicylate.....50% w/w
Shea butter.....25% w/w
White beeswax.....25% w/w

MAL NO: MAL.....X

Pengilang dan pemilik pendaftaran produk

Natural Wellness Industries Sdn Bhd
No: 78, Jalan Kilang Midah, Taman Midah, 56000,

Cheras, Kuala Lumpur, Malaysia.

Tarikh semakan

19/03/2018